



**KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

ARAS 9, BLOCK D7, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62519 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 603-8886 4000
Faks : 603-8889 2033
E-mel : hjothman@islam.gov.my
Laman Web : www.islam.gov.my

Ruj. Kami: JAKIM.(S)600-5/4/3 JLD.20 (24)
Tarikh: 15 Jun 2026
29 Zulhijjah 1447H

SEPERTI SENARAI EDARAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BAGI UJIAN PENILAIAN KELAS AL-QURAN
DAN FARDU AIN (UPKK) DAN ITHBAT KAFA PRATAHFIZ (IKP) TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menetapkan Jadual Waktu Peperiksaan (JWP) bagi **Ujian Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK) Tahun 2026** bermula pada **2 hingga 5 November 2026** serta **Ithbat KAFA Pratahfiz (IKP) Tahun 2026** bermula pada **3 hingga 6 Ogos 2026**.

...3. Sehubungan dengan itu, semua pegawai yang menguruskan UPKK, termasuk Penyelia KAFA, guru-guru, ibu bapa dan semua calon hendaklah akur dan mematuhi JWP yang diedarkan seperti di **Lampiran 1**. Selaras dengan perkara tersebut, calon UPKK yang telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan pada tahun 2026 hendaklah melengkapi pentaksiran Ujian Lisan, PCHI dan Amali Solat. Manakala Penyelia KAFA Negeri / Daerah hendaklah merekod penilaian pentaksiran melalui Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) seperti ketetapan ketetapan berikut:

Bil.	Kod Kertas	Nama Mata Pelajaran	Tarikh Perekodan Markah	Peranan
1.	IKP 01	Hifz al-Quran	7 hingga 14 Ogos 2026	Penyelia KAFA Negeri
2.	UPKK 08	Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI)	19 hingga 30 Oktober 2026	Penyelia KAFA Negeri/ Daerah
3.	UPKK 09	Amali Solat		
4.	UPKK 01	Al-Quran		

...4. Bagi tujuan pelaksanaan PCHI dan Amali Solat, pihak JAKIM telah menyelaraskan dan menyediakan Panduan Penghayatan Cara Hidup Islam dan Panduan Amali Solat serta Borang Perekodan Individu dan Kelompok kepada semua penilai pentaksiran. Bahan tersebut akan diedarkan kepada Agensi Pelaksana mengikut prosedur yang ditetapkan **sebelum tarikh pentaksiran** dijalankan. Penggunaan Panduan dan borang perekodan selain yang dibekalkan oleh pihak JAKIM adalah di kira sebagai **TIDAK SAH** untuk pengiraan akhir markah calon. Agensi Pelaksana hendaklah memastikan jadual pelaksanaan komponen pentaksiran di premis KAFA dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan serta merujuk Arahan dan Peraturan Pelaksanaan Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI) dan Amali Solat bermula tahun 2026 seperti di **Lampiran 2**.


5. Oleh itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di peringkat Agensi Pelaksana masing-masing. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi **Puan Huziana binti Hussin** di talian **03-8870 7575** atau **huziana@islam.gov.my**.

Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah, 

(DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE)

SENARAI EDARAN:

Pengarah

Jabatan Agama Islam Selangor
Aras 2, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit S.U.K
40000 Shah Alam

Selangor

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak
Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh

Perak

Pengarah

Jabatan Agama Islam Sarawak
Aras 12, Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah
Jalan P. Ramlee
93400 Kuching

Sarawak

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
10300 Lebuhr Pantai

Pulau Pinang

Pengarah

Jabatan Agama Islam Melaka
Bahagian Pendidikan dan Perpustakaan
Lot 21/22, Jalan KPAA 2
Kompleks Perniagaan Al-Azim
Bukit Palah

75150 Melaka

Pengarah

Jabatan Agama Islam Johor
Kompleks Islam Johor
Jalan Masjid Abu Bakar
80990 Johor Bahru

Johor

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
Karung Berkunci No. 3
70990 Seremban

Negeri Sembilan

Pengarah

Yayasan Islam Terengganu
Menara Yayasan Islam Terengganu
Tingkat 10 & 11, Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu

Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Menara Pusat Islam
Jalan Perdana
50519 Kuala Lumpur

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
Bangunan Wan Mat Saman
Jalan Raja
05676 Alor Setar
Kedah

Pengarah

Jabatan Agama Islam Pahang
Jalan Masjid
26600 Pekan
Pahang

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perlis
Kompleks Islam
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
Perlis

Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah
Aras 6, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS, Peti Surat 14725
88854 Kota Kinabalu
Sabah

Ketua Seksyen Pengurusan KAFA Kelantan

D/A Institut Latihan Islam Malaysia Kampus Besut
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jalan Pantai Peranginan, Bukit Keluang
22200 Besut
Terengganu



JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN
UJIAN PENILAIAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (UPKK) DAN ITHBAT KAFA PRATAHFIZ (IKP)
TAHUN 2026

TARIKH/HARI	WAKTU	KOD KERTAS	MATA PELAJARAN	TEMPOH MASA
3 hingga 6 Ogos 2026	Waktu Persekolahan	IKP 01	Hifz al-Quran	4 hari
29 Jun hingga 28 September 2026	Waktu Persekolahan	UPKK 08	Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI)	3 bulan
		UPKK 09	Amali Solat	
28 September 2026 hingga 16 Oktober 2026	Waktu Persekolahan	UPKK 01	Al-Quran	3 minggu
2 November 2026 (Isnin)	2.30 – 3.45 petang	UPKK 02	Akidah	1 jam 15 minit
	4.15 – 5.30 petang	UPKK 04	Adab	1 jam 15 minit
3 November 2026 (Selasa)	2.30 – 3.45 petang	UPKK 07	Ibadah	1 jam 15 minit
	4.15 – 5.30 petang	UPKK 05	Jawi dan Khat	1 jam 15 minit
4 November 2026 (Rabu)	3.00 – 4.15 petang	UPKK 03	Sirah	1 jam 15 minit
5 November 2026 (Khamis)	3.00 – 4.15 petang	UPKK 06	Bahasa Arab	1 jam 15 minit

*JAKIM berhak membuat pindaan Jadual Waktu Peperiksaan ini sekiranya terdapat keperluan mengikut peraturan manual UPKK yang sedang berkuat kuasa.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**ARAHAN DAN PERATURAN PELAKSANAAN
PENGHAYATAN CARA HIDUP ISLAM (PCHI) DAN AMALI
SOLAT BERMULA TAHUN 2026**

**UJIAN PENILAIAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN
(UPKK)**

ARAHAN AM

PENGURUSAN PENTAKSIRAN PENGHAYATAN CARA HIDUP ISLAM (PCHI) DAN AMALI SOLAT TAHUN 2026

1.	Guru Besar / Ketua Guru / Guru Penyelaras sekolah perlu menyusun jadual waktu (JW) pelaksanaan PCHI dan Amali Solat di pusat masing-masing mengikut kesesuaian berdasarkan tarikh yang dikeluarkan oleh JAKIM.
2.	Panduan bagi penilaian PCHI dan Amali Solat hendaklah di cetak di peringkat sekolah untuk kegunaan penilai bagi tahun 2026 sahaja. Cetakan boleh dibuat mengikut ketetapan di perenggan 1.3
3.	Tarikh edaran panduan adalah seperti berikut: Edaran JAKIM kepada Agensi Pelaksana Negeri: 24 JUN 2026 Edaran Agensi Pelaksana kepada Pejabat Agama Islam Daerah (PAID): 25 JUN 2026 Edaran PAID kepada sekolah/ premis KAFA: 29 JUN 2026 Cetakan bermula pada 29 JUN 2026
4.	Guru Besar / Ketua Guru / Guru Penyelaras perlu merancang pengurusan pentaksiran PCHI dan Amali Solat berdasarkan kesediaan calon untuk ditaksir dalam tempoh yang ditetapkan.
5.	Calon yang mendaftar bagi menduduki UPKK adalah WAJIB menduduki Pentaksiran PCHI dan Amali Solat mengikut jadual yang ditetapkan. Guru Besar / Ketua Guru / Guru Penyelaras perlu menjadualkan semula pentaksiran bagi calon yang belum menguasai.
6.	Guru Besar / Ketua Guru / Guru Penyelaras perlu memberi penekanan kepada pemahaman dan penguasaan calon dalam menjawab soalan bagi memastikan markah yang diberi adalah bersesuaian mengikut tahap calon.
7.	Tempoh masa pentaksiran dijalankan secara berterusan selama 3 bulan bermula dari tarikh yang ditetapkan.
8.	Guru Besar / Ketua Guru / Guru Penyelaras yang dilantik sebagai Penilai hendaklah menggunakan Borang Penilaian Individu dan Borang Penilaian Kelompok.
9.	Guru Besar/ Ketua Guru/ Guru Penyelaras hendaklah memastikan Borang Penilaian Individu/ Kelompok dan Panduan yang digunakan

	disimpan setiap hari sebaik selesai penilaian di buat mengikut prosedur Ujian Lisan al-Quran sebagaimana ketetapan JAKIM.
10.	Guru Besar/ Ketua Guru/ Guru Penyelaras hendaklah memastikan markah dimasukkan secara adil dan telus. Pengesahan akhir hendaklah dibuat oleh Guru Besar/ Ketua Guru/ Guru Penyelaras.
11.	Guru Besar / Ketua Guru / Guru Penyelaras hendaklah menghantar Borang Penilaian Individu dan Kelompok kepada PAID atau mana-mana Agensi Pelaksana Negeri yang bertanggungjawab dan memastikan penyimpanan salinan Borang Penilaian Individu / Kelompok adalah mengikut prosedur yang berkuat kuasa.
12.	Penyelia KAFA Daerah/ Negeri hendaklah merekodkan markah calon secara dalam talian di pautan Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Unit Peperiksaan
Bahagian Pendidikan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)